

Dagangan : ALUMINIUM ROD

Nama Barangan : Aluminium Alloy Rod

Kod Tarif (Perintah Duti Kastam 2012) :

7604.29 000

Tarikh Kelulusan : 10 Mac 2015

Barangan yang dinamakan *Aluminium Alloy Rod* berbentuk silinder adalah seperti gambar di bawah:



Sampel yang dikemukakan merupakan potongan logam berbentuk rod padu yang mempunyai warna dan saiz yang sama yang disimpan di dalam kotak. *Aluminium alloy rod* ini berwarna perak yang setiap satunya berukuran 1000mm panjang dan berdiameter 2.4mm. Packing barangan adalah 5kg per kotak.

Kegunaan barangan adalah untuk tungsten inert gas (TIG) welding bagi mengimpal barang-barang aluminium.

Analisis pakar mengesahkan seperti berikut :

Sampel berupa rod berwarna perak yang berukuran 100.0 cm panjang dan berdiameter 0.2 cm.

Hasil analisis didapati sampel adalah *Aluminium Alloy Rod* yang terdiri daripada aluminium (86.6%) dan magnesium (5.3%).

Barangan ini sesuai diperjeniskan di bawah nombor kod tarif **7604.29 000** sebagai **Other Aluminium Alloy Rod** berdasarkan alasan-alasan berikut:

Barangan adalah sejenis *Aluminium Rod* kerana ia menepati penjelasan mengenai *Aluminium Rod* dinyatakan di dalam **Chapter Notes 76 1(a)** kepada **Chapter 76, Perintah Duti Kastam 2012** seperti berikut:

(a) Bars and rods

Rolled, extruded, drawn or forged products, not in coils, which have a uniform solid cross-section along their whole length in the shape of circles, ovals, rectangles (including squares), equilateral triangles or regular convex polygons (including "flattened circles" and "modified rectangles", of which two opposite sides are convex arcs, the other two sides being straight, of equal length and parallel).

Barangan ini adalah sejenis *Aluminium Alloy* berdasarkan maklumat dalam *certificate* bahawa:

Kandungan Mg (Magnesium) bersamaan 4.5 – 5.5% iaitu melebihi 1% dan menepati keterangan dalam **Subheading Notes 1(b) kepada Chapter 76, Perintah Duti Kastam 2012** seperti berikut :

1. In this Chapter the following expression have the meanings hereby assigned to them :

(a).....

(b) *Aluminium Alloy*

Metallic substances in which aluminium predominates by weight over each of the other elements, provided that:

i) *The content by weight of at least one of the elements or of iron plus silicon taken together is greater than the limit specified in the foregoing table; or*

ii) *The total content by weight of such other elements exceeds 1%.*

Barangan mendapat liputan di dalam **EN HS 2012 muka surat XV-7604-1** seperti berikut:

76.04	- Aluminium bars, rods and profiles.
7604.10	- Of aluminium, not alloyed
	- Of aluminium alloys:
7604.21	- - Hollow profiles
7604.29	- - Other

These products, which are defined in Notes 1(a) and 1(b) to the Chapter, correspond to similar goods made of copper. The provisions of the Explanatory Note to heading 74.07 apply therefore, *mutatis mutandis*, to this heading.